

## Kerangka Penggunaan *Maqasid Shari`ah* Dalam Hukum Muamalat

### *The Framework of the Use of Maqasid Shari`ah In Muamalat Law*

Nora`inan Binti Bahari<sup>1</sup>, Ahmad Hidayat Bin Buang<sup>2</sup>

Terima	Wasit
02 APRIL 2018	14 MEI 2018

#### ABSTRAK

*Rujukan terhadap maqasid shari`ah apabila mengeluarkan hukum yang baharu atau aplikasi terhadapnya sebagai salah satu kaedah untuk menerbitkan hukum adalah satu prinsip asas bagi menunjukkan kedinamikan hukum Islam dalam menangani semua perkara dan masalah yang baharu terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan muamalat. Kajian ini akan mengenalpasti kerangka maqasid shari`ah berdasarkan penulisan para sarjana seperti al-Shatibi, Ibn `Ashur dan al-Raysuni. Justeru kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dalam mengenal pasti kerangka maqasid shari`ah dan membincangkan penggunaannya dalam hukum muamalat. Kajian mendapati kerangka maqasid shari`ah telah digunakan dalam penetapan hukum muamalat bagi memastikan keselarasannya dengan tujuan atau maqasid Syarak.*

**Katakunci:** *Penggunaan, Maqasid shari`ah, Muamalat*

#### ABSTRACT

*References to maqasid shari`ah when issuing a new law or application to it as one of the methods for issuing the law is a fundamental principle of showing the dynamism of Islamic law in dealing with all new matters and problems, especially in matters pertaining to muamalat. This study will identify the framework of maqasid shari`ah based on the writing of scholars such as al-Shatibi, Ibn `Ashur and al-Raysuni. Hence this study uses library research methods in identifying the maqasid shari`ah framework and discussing its use in muamalat law. The study found that the shari'ah maqasid framework was used in establishing the muamalat law to ensure its alignment with the objective or maqasid of Syarak.*

**Keywords:** *Application, Maqasid Shari`ah, Muamalat Law*

#### Pendahuluan

*Maqasid shari`ah* diterima sebagai salah satu pendekatan untuk menentukan keputusan sesuatu hukum yang baharu. Ia perlu difahami dengan terperinci dan tepat bagi memastikan tujuan atau *maqasid* Syarak tercapai di dunia dan akhirat. Manakala hukum muamalat ialah hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan urusan hubungan antara sesama manusia dalam mendapatkan keperluan dan memenuhi masalah kehidupannya al-Sabuni (1982) dan al-Zuhayli (2002) dalam urusan keduniaan Abu Jayb (1993) dan Sanu Qutb (2000). Ia meliputi

<sup>1</sup> Nora`inan Binti Bahari, PhD Candidate, Department of Shariah and Law, UM, norainan@siswa.um.edu.my.

<sup>2</sup> Ahmad Hidayat Bin Buang, Profesor Dr., Department of Shariah and Law, UM, ahidayat@um.edu.my.

perkara-perkara yang dikategorikan sebagai kekeluargaan, *mu`amalat maliyyah* (transaksi kehartaan), sistem kehakiman dan pengadilan yang dikenali sebagai hukum jenayah, politik, kenegaraan dan ekonomi al-Shatibi (t.t.), Zaydan (1992) dan Muhammad Fu`ad Muhammad Sawari (2012).

Oleh kerana kehidupan di dunia ini sentiasa mengalami perubahan maka menjadi satu keperluan agar segala perkara yang baharu itu dipastikan selaras dengan *maqasid shari`ah*. Justeru, satu kerangka yang memberi panduan dalam sebarang keputusan hukum yang dikeluarkan perlu ada khususnya apabila terdapat pertembungan antara dua *maqasid*. Oleh itu kajian ini akan memfokuskan kepada penjelasan tentang enam (6) kerangka *maqasid shari`ah* sebagaimana pandangan tiga (3) orang sarjana yang menjadi rujukan dalam bidang ini iaitu al-Shatibi (m790H), Ibn `Ashur (m 1379H) dan al-Raysuni dan penggunaannya dalam hukum muamalat.

## Metodologi Kajian

Pada asasnya kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada buku-buku hasil penulisan para sarjana dalam bidang *maqasid shari`ah* khususnya al-Shatibi seorang yang pakar dalam syariah dan *maqasid shari`ah* yang menegaskan bahawa tujuan syariat adalah untuk kepentingan dan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat, Ibn `Ashur perintis yang menjadikan *maqasid shari`ah* sebagai ilmu yang berasingan dari Usul fiqh dan al-Raysuni seorang sarjana utama bidang *maqasid shari`ah* masa kini. Kemudian, data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif. Kajian ini merangkumi perbincangan konsep dan kerangka *maqasid shari`ah* serta penggunaannya dalam hukum muamalat, kesimpulan dan cadangan.

## Dapatan Dan Perbincangan

### Konsep *Maqasid Shari`ah*

Dapatan menunjukkan *maqasid* adalah kata jamak kepada *maqasid* dan *maqasid* berasal dari perkataan *qasada* dalam bahasa Arab bermaksud menuju ke suatu arah al-Qazwini (1986). *Maqasid shari`ah* membawa maksud tujuan, objektif, kehendak dan matlamat agama yang menjadi jalan yang jelas dan lurus datang dari Allah sama ada berbentuk asas iaitu akidah dan hukum berkaitan ibadat, muamalat, munakahat, jenayah, sosial dan politik serta alam yang menjadi punca kepada kehidupan Mahmud Shaltut (2007).

Perbincangan istilah *maqasid shari`ah* dilakukan oleh para sarjana dalam bidang *maqasid shari`ah* seperti al-Shatibi dengan menggunakan istilah *qasid al-Shari`* atau maksud Allah SWT. Pada pandangan beliau wacana tentang objektif Syarak merangkumi dari awal diciptakan syariat kepada umat manusia, memberi kefahaman kepada tujuan syariat, memberi kebertanggungjawaban dan seterusnya melibatkan manusia sebagai seorang mukallaf dalam hukumnya. Proses yang sistematik ini menunjukkan aspek kesejahteraan manusia menjadi keutamaan dalam penurutan dan pelaksanaan Syariat.

al-Shatibi juga meletakkan tiga tahap pengurusan kesejahteraan manusia berlandaskan *maslahah* dan objektif Syarak iaitu *daruriyyat* (perkara asasi dan amat perlu),

*hajiyyat* (keperluan) dan *tahsiniyyat* (pelengkap). Lima perkara asas dan yang mesti ada ini merangkumi penjagaan agama, diri, keturunan, harta dan akal dalam perkara *daruriyyat*, yang mesti dipertahankan agar kemaslahatan di dunia dan akhirat terpelihara kerana ketiadaannya akan menyebabkan kebinasaan dan kerugian kepada kehidupan manusia. Justeru menjaga dan mempertahankan kelima-lima tonggak ini adalah satu *masalah* dan setiap yang menghapuskan kelima-lima perkara ini adalah satu kerosakan (*mafsadah*).

Selain itu terdapat tahap kedua iaitu *hajiyyat* iaitu perkara bukan asasi tetapi diperlukan untuk kemaslahatan hidup kerana ditakuti kesulitan contohnya kuasa wali mengahwinkan anak lelaki atau perempuan yang masih kecil sekiranya ada keperluan seperti kehidupan yang lebih sempurna, bagaimanapun bagi menjaga *masalah* disyaratkan agar pasangan itu sekufu dan dengan mahar *mithil* iaitu maskahwin yang berpadanan dengan keluarga pengantin perempuan.

Manakala perkara *tahsiniyyat* pula bukanlah dalam kategori kepentingan asasi dan keperluan tetapi untuk penambahbaikan, perhiasan dan kemudahan serta meraikan tatacara yang lebih baik dalam perkara-perkara adat dan muamalat yang berkaitan dengan keperluan asas seperti mengamalkan adab sesama insan dan etika dalam perniagaan al-Shatibi (t.t.).

Ibn `Ashur pula berpandangan *maqasid shari`ah* secara umum ialah makna dan hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus dalam mana-mana hukum syarak yang tertentu. Ia juga bermaksud perbuatan dan tindakan yang dimaksudkan oleh Allah SWT yang diusahakan dengan pelbagai cara oleh seseorang individu untuk mencapainya dengan penuh ketaatan Ibn `Ashur (1946).

Pandangan al-Shatibi dan Ibn `Ashur ini dirumuskan oleh al-Raysuni (1995) yang menyatakan *maqasid shari`ah* adalah matlamat yang diletakkan oleh syariat untuk merealisasikan maslahat hamba iaitu manusia sama ada berbentuk *daruriyyat* (asasi), *hajiyyat* (keperluan) atau *tahsiniyyat* (kesempurnaan) yang menjadi fokus, hasil dan faedah yang diharapkan melalui pertanggungjawaban hukum syarak dan pelaksanaannya oleh manusia. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk melihat penggunaan kerangka *maqasid shari`ah* dalam menyelesaikan isu-isu dalam hukum muamalat.

### **Kerangka *Maqasid Shari`ah***

Pelaksanaan hukum Syarak yang menjadi tujuan syariat diturunkan boleh dikelaskan kepada Enam (6) dimensi kerangka penggunaannya iaitu tujuan umum dan khusus, kekuatan hujah qat`i dan zanni, tujuan Syarak dan makhluk, tujuan asal dan mendatang, kepentingan dan pengiktirafan Syarak al-Shatibi (t.t.), Ibn `Ashur (1946) dan al-Raysuni (1996).

#### **1. Tujuan Umum dan Khusus (Terperinci)**

##### **a. *al-Maqasid al-`Ammah***

Kategori ini bermaksud tujuan Syarak yang bersifat umum adalah untuk menjaga keamanan dan keharmonian manusia; antaranya menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta yang semuanya bersifat *daruri* (keperluan asas). *Maqasid* umum ini menurut Hashim Kamali (2006) menggambarkan ciri-ciri Islam yang luas dan komprehensif iaitu pencegahan kemudaratan (*darar*) yang diaplikasikan dalam semua perkara dan aspek.

b. *al-Maqasid al-Khassah (al-Maqasid al-Juz'iyah)*

Tujuan Syarak yang lebih khusus adalah berkaitan dengan bidang ibadat, muamalat atau transaksi kewangan, munakahat atau hal-ehwal keluarga, politik, hubungan pekerja dan majikan, kehakiman dan jenayah. Manakala *al-maqasid al-juz'iyah* merujuk kepada hukum wajib, sunat, makruh, harus, haram, bersyarat dan sebagainya yang disyariatkan bagi menjaga *maqasid shari'ah* yang dari sudut kepentingannya pula terbahagi kepada tiga bahagian; keperluan asasi dan kemestian (*daruriyyat*), keperluan tambahan (*hajiyyat*) dan kesempurnaan (*tahsiniyyat*). Ia melengkapkan *maqasid`am* atau objektif umum yang hendak dicapai oleh Syariat. al-Khadami (2003), menjelaskan lagi bahawa hukum Islam tidak akan sempurna tanpa kedua-duanya.

Dalam perbincangan para sarjana di atas, dimensi umum dan khusus dalam penentuan *maqasid* adalah yang paling utama kerana ia menjadi platform pertama sebelum kerangka *maqasid* yang lain diletakkan.

2. Kekuatan Hujah

a. *al-Maqasid al-Qat'iyah*

Ia bermaksud tujuan yang muktamad ialah tujuan Syarak yang disokong oleh bukti al-Quran dan al-Sunnah serta mempunyai kaitan jelas kepada keperluan asasi dan yang disepakati oleh para ulama seperti penjagaan harta dan maruah individu, pentadbiran keadilan, hak mendapat bantuan kewangan antara kaum kerabat dan sebagainya dengan mengekalkan agama dan diri sebelum diikuti oleh pengawalan keluarga, intelek dan harta al-Shatibi (t.t.), Ibn `Ashur (1946) dan al-Khadami (2003).

Malahan Ibn `Ashur menjelaskan beberapa ayat yang memelihara tujuan Syariat yang *qat'i* ialah membawa kemudahan (*al-yusr*), tidak memberatkan (*adam al-haraj*) dan di bawah kemampuan manusia (*al-wus`a*) (al-Baqarah (2): 185, al-Hajj (22): 78 dan al-Baqarah (2): 286). Oleh itu membuat sesuatu perkara secara mudah adalah salah satu *maqasid* yang *qat'i* dalam Syariah. *Maqasid* inilah yang menjadi rujukan dan kriteria utama dalam fiqh dan perundangan serta boleh dijadikan formula panduan yang muktamad dalam kes baharu yang tiada persamaan dengan hukuman yang telah diputuskan Ibn `Ashur (1946) dan al-Shatibi (t.t.).

b. *al-Maqasid al-Zanniyyah*

Ia bermaksud tujuan yang *zann* iaitu sama ada *maqasid* yang tidak sampai ke tahap *qat'i* dan perkara yang tidak disepakati para ulama dan mujtahid atau yang disabitkan dengan dalil *zanni* kerana tidak menunjukkan maksud yang *qat'i* dan diyakini. Contohnya kuantiti arak yang sedikit hanya dihukumkan sebagai larangan bukan diharamkan kerana yang dikehendaki adalah kuantiti yang lebih besar dan memabukkan kerana `illah pengharaman adalah memabukkan. Pandangan ini adalah berdasarkan *maqasid* yang bersifat *zann* semata-mata dan kerana itu ia tidak boleh dijadikan panduan al-Khadami (2003).

3. Tujuan Syarak dan Makhhluk

a. *al-Maqasid al-Shar'i (Al-Qasid al-Shar'i)*

Tujuan Syarak yang menjadi *maqasid* utama dalam pensyarian hukum adalah untuk menjaga *maṣlahah* demi keselamatan dan kebajikan manusia di dunia dan akhirat. Selain itu terdapat tiga tujuan Syarak iaitu wahyu hendaklah difahami sebagaimana pemahaman orang Arab semasa penurunannya, Syariat diturunkan di bawah kemampuan manusia dan sebagai tanda ketundukan kepada Allah SWT. Penentuan sesuatu *maṣlahah* atau *mafsadah* itu tidak

dibina atas sangkaan manusia. Justeru *`illah* menjadi petanda maksud Syarak dalam sesuatu hukum al-Shatibi (t.t.), al-Raysuni (1995) dan al-Khadami (2003).

*b. al-Maqasid al-Mukallaf (al-Qasd al-Mukallaf)*

*al-Qasd al-mukallaf* adalah maksud dan niat manusia sama ada dalam bentuk perkataan, amalan dan pelbagai tindakan yang memenuhi tiga syarat iaitu menepati kehendak Syarak, mengambil-kira *`illah* yang diketahui dan mengikut sunnah serta menjauhi *bid`ah* al-Shatibi (t.t.). Ketiga-tiga elemen inilah yang membezakan antara sah, *fasid* dan *batil*; antara bertujuan ibadat dan ikut-ikutan; antara muamalat berkaitan perkahwinan dan perdagangan serta antara bersifat keagamaan dan kehakiman. Kesemua ini menentukan dosa, pahala dan pembalasan. Contohnya siapa yang melakukan ibadat tanpa niat dan *qasad* maka amalannya menjadi *fasid* dan *batil*. Oleh itu tidak boleh seseorang mempunyai *qasad masyaqqah* bagi mengharapkan ganjaran yang besar kerana ia berlawanan dengan *qasad* Syarak dan Allah tidak menghendaki seseorang mengazab diri untuk menghampirkan diri kepadanya. Sebaliknya dia hendaklah berniat bahawa amalan yang besar ganjarannya adalah kerana kesukaran yang berat dalam amalannya al-Raysuni (1995).

#### 4. Tujuan Asal Dan Mendatang

*a. al-Maqasid al-Asliyyah*

Disebut juga dengan *maqasid asasiyyah* atau *ra'isiyyah* atau tujuan asasi iaitu *maqasid* yang dimaksudkan oleh Allah sejak dari asal mula kejadian manusia, juga menjadi asas tujuan undang-undang Syariah dalam menilai tingkah laku dan perlakuan manusia. Contohnya tujuan utama ilmu dan pendidikan adalah untuk mengenal tuhan, menyembah dan memahami kejadiannya. Begitu juga tujuan utama perkahwinan adalah untuk meneruskan kelangsungan generasi manusia dan tujuan utama menghadiri majlis ilmu adalah meningkatkan pengetahuan seseorang.

*b. al-Maqasid al-Tab`iyyah*

Ia bermaksud tujuan sampingan yang menjadi penyokong kepada *maqasid asasiyyah*, contohnya persahabatan dan kepuasan seks adalah tujuan sampingan perkahwinan yang menyokong tujuan utama untuk meneruskan kesinambungan generasi manusia. Manakala tujuan sampingan mencari ilmu adalah bagi mendapatkan kelayakan akademik, kepuasan individu dan pemurnian dalam tindakan dan ucapan seseorang. Oleh itu tujuan sampingan ini berfungsi untuk melengkapkan dan menyokong tujuan utama al-Shatibi (t.t.), al-Raysuni (1995) dan al-Khadami (2003).

#### 5. Aspek kepentingan

*a. Maqasid Daruriyyah*

*Maqasid* yang mesti ditegakkan untuk *maslahah* agama dan dunia. Ini bermaksud kewujudannya akan merealisasikan sistem kehidupan dan urusan agama manakala kehilangannya akan menghapuskan sistem kehidupan dan agama. Para ulama dan ahli *usūl* mengistilahkan dengan *kulliyat al-khams* iaitu menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta al-Shatibi (t.t.) dan al-Khadami (2003)

*b. Maqasid Hajiyyah*

Dinamakan juga dengan *masalih hajiyyah*; yang dikehendaki dan diperlukan oleh manusia seperti *maslahah* jual beli, tanaman, minuman dan perkongsian untung dan rugi.

*c. Maqasid Tahsiniyyah*

Disebut juga *maqasid kamaliyah* iaitu *maṣlaḥah* yang menempati tempat penambahbaikan dan perhiasan iaitu memperbaiki hal ehwal manusia dan ummah, dalam bentuk meraikan *manhaj* terbaik dan merealisasikan sebaik-baik sistemnya dalam segala aspek kehidupan termasuk dalam urusan adat dan muamalat al-Khadami (2003).

6. Aspek Pengiktirafan Syarak

*a. Maqasid Mulghah*

Abd al-Karim Zaydan (1992) menamakannya dengan *masalih mulghah* iaitu *maṣlaḥah* yang mempunyai tiga kriteria iaitu tidak diterima oleh Syarak walaupun di mata manusia dilihat mempunyai *maṣlaḥah* kerana *maṣlaḥah* itu bersifat luaran dan dari segi rupa bentuk sahaja, *maṣlaḥah* khusus terhadap individu tetapi *mafsadah* kepada orang ramai dan *maṣlaḥah* mengikut keadaan, masa atau persepsi sedangkan membawa *mafsadah* yang kekal dan selama-lamanya al-Khadami (2003).

*b. Maqasid Muṭabarah*

Disebut juga dengan *masalih muṭabarah* iaitu *maṣlaḥah* yang diiktiraf Syarak dan hukum yang *munasabah* (sesuai) menurut para sarjana sama ada bersumberkan nas atau ijmak seperti *maṣlaḥah* solat, zakat, jual beli, hibah dan wasiat, hudud, qisas dan keadilan, serta ihsan, kemerdekaan dan kemuliaan Zaydan (1992) dan al-Khadami (2003).

*c. Maqasid Mursalah*

*Maṣlaḥah* yang menepati *maqasid shari'ah* yang tidak mempunyai hukum asal sama ada diterima atau ditolak oleh Syarak dengan jelas dan secara langsung berdasarkan dalil dan nas dalam masalah dan kes berkaitan. Disebut juga dengan *masalih mursalah* atau *masalih mutlaqah* Zaydan (1992) dan al-Khadami (2003).

Kerangka pembahagian *maqasid* seperti di atas, menjelaskan lagi pertimbangan yang perlu diambilkira bagi tujuan mengelakkan kecacatan dalam hukum yang dikeluarkan. Ia juga menunjukkan kesyumuluan hukum Islam yang memastikan pelaksanaannya dalam segenap aspek bagi merealisasikan pencapaian *maqasid shari'ah*.

Penggunaan Kerangka *Maqasid Shari'ah* Dalam Hukum Muamalat

Dalam konteks hukum muamalat, kerangka *maqasid shari'ah* sebagaimana yang dibincangkan di atas telah diaplikasikan dalam pelbagai situasi bagi memenuhi *maqasid shari'ah* seperti perbincangan di bawah:

1. Bagi mencapai *maqasid* atau tujuan umum dan khusus Syarak, maka disyariatkan atas dasar keperluan, perluasan hukum jual beli kepada pinjaman (*qard*) dan tempahan barang (*salam*); manakala bagi menyempurnakannya terdapat hukum menegah jualbeli najis al-Shatibi (t.t.). Justeru, prinsip *maqasid shari'ah* yang umum dalam penjagaan harta digunakan dalam hukum jualbeli antara orang ramai dan juga digunakan dalam keharusan hukum pinjaman dan tempahan barang walaupun tidak memenuhi syarat adanya barang itu semasa jualbeli tetapi diharuskan atas dasar keperluan untuk memperolehi barangan yang tidak ada di sesuatu tempat. Bahkan terdapat juga tujuan Syarak yang bersifat khusus yang melarang jualbeli barangan yang haram seperti najis dan arak.

2. Berdasarkan kekuatan hujah melalui nas yang *qat'i*, terdapat perubahan hukum yang asalnya ditegah kepada harus. Antaranya diharuskan jual beli *istisna'* iaitu tempahan untuk

membuat sesuatu barangan dengan harga tangguh berdasarkan hujah ayat ke 185 surah al-Baqarah yang menjadikan dasar kemudahan atau *yusr* dalam sesuatu hukum. Justeru hukum yang berdasarkan rasional tetapi tidak disokong oleh nas adalah *zanni* dan tidak boleh diterima. Contohnya pengharaman riba *nasi'ah* dalam konteks pinjaman wang yang dibayar melebihi jumlah pinjaman walaupun terdapat sangkaan perbuatan membantu orang yang memerlukan itu dibolehkan untuk mendapatkan keuntungan.

3. Dalam konteks pertembungan antara tujuan Syarak dan tujuan mukallaf, keutamaan adalah tujuan Syarak. Oleh itu dalam konteks jual beli yang sah, rukun dan syarat hendaklah dipatuhi. Walaupun begitu, apabila berlaku penawaran dan penerimaan oleh seorang mukallaf ia boleh menjadi batil apabila berlaku penganiayaan seperti meminta pulangan dari pinjaman yang diberikan dengan berlipat ganda.

4. Tujuan Syarak yang asal adalah penjagaan harta dari sebarang pencerobohan dan pengkhianatan Ibn `Ashur (1946). Oleh itu ditegah jual beli yang mengandungi hukum yang tidak jelas seperti tiadanya bukti transaksi yang jelas dalam bentuk rekod dan perjanjian jual beli, saksi dan cagaran sekiranya hutang tidak dapat dibayar al-Qurtubi (1988). Tujuan ini dilengkapi dengan tujuan yang mendatang iaitu pemerolehan harta yang tiada had dengan syarat hak dan tanggungjawab seperti zakat ditunaikan dengan sewajarnya al-Raysuni (1995). 5. Kepentingan sesuatu tujuan Syarak untuk umat manusia di dunia dan akhirat merangkumi kepentingan asasi, keperluan dan pelengkap. Dalam hukum muamalat adalah satu keperluan asasi (*daruriy*) untuk memastikan harta tidak berlegar di kalangan orang kaya dengan mewajibkan zakat dan digalakkan sedekah, wakaf dan infak untuk pembangunan ekonomi umat. Di samping itu untuk memenuhi keperluan (*hajiy*) ekonomi maka diharuskan kontrak-kontrak yang ditegah kerana berlawanan dengan qiyas seperti *bay'i al-salam* dan *bay'i `inah*. Manakala bagi membentuk perkara baik yang menjadi pelengkap (*tahsiniy*) diharuskan untuk meninggalkan transaksi seperti pinjaman yang mengambil keuntungan yang berlebihan dari yang dibenarkan.

6. Berdasarkan aspek pengiktirafan Syarak, hanya tujuan (*maqasid*) yang mempunyai tujuan atau *maslahah* yang baik dan diiktiraf Syarak boleh diterima. Oleh itu dalam hukum muamalat, kontrak yang melibatkan riba adalah ditolak (*mulghah*) walaupun memberikan pulangan baik kepada pihak yang terlibat. Manakala *maslahah* yang baik berada dalam banyak hukum muamalat seperti sewaan, hibah, wasiat, hudud dan qisas. Hukum-hukum bagi isu-isu muamalat yang baharu dan tiada hukum lagi dikategorikan sebagai *maslahah mursalah* yang diiktiraf oleh Syarak seperti pembiayaan perumahan, kad kredit, pelaburan dan takaful.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Berdasarkan perbincangan di atas al-Shatibi, Ibn `Ashur dan al-Raysuni telah berjaya membentuk kerangka *maqasid shari'ah* yang komprehensif dan boleh dijadikan garis panduan dalam penetapan hukum berkaitan muamalat sama ada yang mempunyai nas atau yang tiada nas bagi memastikan keselarasannya dengan *maqasid shari'ah*. Tujuan syariat sama ada umum atau khusus, mempunyai hujah yang kuat atau *zann*, ditentukan oleh Syarak atau manusia, tujuan yang asal atau mendatang, sama ada dalam bentuk kepentingan asasi, keperluan atau sebagai pelengkap adalah perlu mengandungi perkara-perkara yang baik dan diiktiraf oleh Syarak. Penggunaan kerangka ini jelas lebih memperkukuhkan hukum muamalat khususnya dalam perkara-perkara yang baharu.

## Rujukan

- al-Raysuni, Ahmad. 1995M/1416H. *Nazariyyah al-Maqasid `inda al-Imam al-Shatibi*. c. 4. Herndon: al-Ma`had al-`Alami li al-Fikr al-Islami.
- Ibn `Ashur, Muhammad al-Tahir. 1946M/1366H. *Maqasid al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr.
- Ibn Faris al-Qazwini, `Ali al-Husin Ahmad. 1986M/1406H. *Mujmal al-Lughah*. Tahqiq Zahir `Abd al-Muhsin Sultan. j. 3. c. 2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Khadami, Nur al-Din Mukhtar. 2003M/1424H. *al-Maqasid al-Shar`iyyah (Ta`rifuha, Amthilatuha, Hujjiyyatuha)*. Riyadh: Kunuz Ashbiliya.
- Mahmud Shaltut. 2007M/1428H. *al-Islam `Aqidah wa Syari`ah*. c. 29, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Hashim Kamali. 2006. *An Introduction To Syariah*. Selangor: Ilmiah Publishers.
- Muhammad Fu`ad Muhammad Sawari. 2012. *al-Madkhal ila Dirasah al-Fiqh al-Islami*. c. 4. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- al-Qurtubi, Muhammad Ahmad al-Ansari. 1408H/1988M. *al-Jami` li Ahkam al-Qur`an*. j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- al-Sabuni, Khalifah Ba Bakr dan Tantawi. 1982M/1402H. *al-Madkhal al-Fiqhi wa Tarikh al-Tashri` al-Islami*. `Abidin: Maktabah Wahbah.
- Sa`di Abu Jayb. 1993. *al-Qamus al-Fiqhi*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Sanu Qutb. 2000M/1420H. *Mu`jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Mashriq.
- al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim Ibn Musa al-Lakhamiyy (m. 790H). t.t. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*. j. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zaydan, `Abd al-Karim. 1992M/1412H. *al-Madkhal li Dirasah al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- al-Zuhayli, *al-Mu`amalat al-Maliyyah al-Mu`asarah* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 2002M/1423H),  
16